KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## RABU, 7 JUN 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
*World Communications*

7/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **LELAKI PUKUL KEPALA WANITA DIREMAN ESOK** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1111089/lelaki-pukul-kepala-wanita-direman-esok | BHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/06/lelaki-tunjal-kepala-pemandu-wanita/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/262113/berita/semasa/abang-sado-pukul-kepala-wanita-ditahan-polis | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tunjal-kepala-pemandu-wanita-lelaki-ditahan-di-perak-422745 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/06/video-lelaki-sado-lagak-samseng-tunjal-kepala-pemandu-wanita/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1110977/lagak-samseng-maki-dan-pukul-kepala-pemandu-wanita-lelaki-diberkas-polis | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/06/06/samseng-habis-lelaki-main-tunjal-tunjal-kepala-pemandu-wanita-marah-potong-di-selekoh---pecah-muka-kau-kejap-lagi | MSTAR.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/lelaki-pukul-kepala-pemandu-wanita-sudah-ditahan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=jtUBARuaAVY&ab_channel=HarianMetro | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=qVV-cgj8ttI&ab_channel=KiniTV | YOUTUBE |
| | https://majoriti.com.my/berita/2023/06/06/video-039kau-jangan-menjawab039-lelaki-biadab-tunjal-kepala-wanita-cuba-039potong-q039-di-jalan-tapah-cameron-highlands | MAJORITI.COM.MY |
| | https://www.thevocket.com/netizen-geram-lihat-abang-sado-tunjal-kepala-pemandu-wanita/ | THEVOCKET.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/06/pukul-kepala-wanita-lelaki-sado-ditahan-polis/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://paultan.org/2023/06/06/abang-sado-tunjal-kepala-wanita-sudah-ditahan-polis/ | PAULTAN.ORG |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-pukul-kepala-pemandu-wanita-ditahan-polis/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.malaysiakini.com/news/667702 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/974600/wanita-maut-selepas-kereta-dirempuh-lori | ALHIJRAHNEWS.COM |

7/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **PENOREH GETAH MENGAKU TAK SALAH CUAI HINGGA ANAK TERMAKAN BISKUT GANJA** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/06/penoreh-getah-mengaku-tak-salah-cuai-hingga-anak-termakan-biskut-ganja/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/261985/berita/semasa/bapa-tidak-mengaku-biar-anak-makan-biskut-kanabis | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1110939/penoreh-getah-didakwa-cuai-hingga-anak-termakan-biskut-ganja | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/bapa-didakwa-cuai-punca-anak-makan-biskut-ganja/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=70H443IHX0s&ab_channel=HarianMetro | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=REmcwoSeO1E&ab_channel=AstroAWANI | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=cTal3LC7LGw&ab_channel=BeritaHarianOnline | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=4SU6FgVdrI&ab_channel=BuletinTV3 | YOUTUBE |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/penoreh-getah-didakwa-cuai-biar-anak-makan-biskut-ganja-x8ljrfa | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/penoreh-getah-mengaku-tidak-bersalah-tuduhan-cuai-hingga-anak-termakan-biskut-ganja/?utm_source=BUTV3&utm_medium=terkini | BULETINTV3.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/974554/penoreh-getah-nafi-cuai-hingga-anak-termakan-biskut-ganja-metrotv | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **WARGA EMAS TERLANTAR SENDIRIAN PERLU DIBANTU** | |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/06/warga-emas-terlantar-sendirian-perlu-dibantu/ | HARAKAHDAILY.NET |

7/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **MAYAT KANAK-KANAK LEMAS DIHANYUT ARUS DI TANJUNG MALIM DITEMUI SELEPAS 4 HARI** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-kanakkanak-lemas-dihanyut-arus-di-tanjung-malim-ditemui-selepas-4-hari-422688 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1110936/mayat-budak-lemas-ditemui-tersangkut-pada-pokok | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/974641/kanak-kanak-ditemukan-8-km-dari-lokasi-lemas | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.malaysiakini.com/news/667623 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/06/mayat-kanak-kanak-mangsa-lemas-ditemukan/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **PUNGGUNG KANAK-KANAK TERCUCUK BESI PAGAR RUMAH** | |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/punggung-kanakkanak-tercucuk-besi-pagar-rumah-x8ljim4 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.getaran.my/artikel/semasa/48242/punggung-kanak-kanak-tercucuk-besi-pagar-rumah | GETARAN.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/64835-tahan-sakit-20-minit-punggung-budak-tercucuk-besi | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=uKaMQucbTzo&ab_channel=BuletinTV3 | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=5fL-LKdEZ7g&ab_channel=AstroAWANI | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **INSIDEN KANAK-KANAK TERTELAN CECAIR VAPE PERLU BUKA MATA BAHAYA PERANTI E-ROKOK** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/insiden-kanak-kanak-tertelan-cecair-vape-perlu-buka-mata-bahaya-peranti-e-rokok/ | UTUSAN.COM.MY |

7/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **WANITA WARGA EMAS DITEMUI RENTUNG RUMAH TERBAKAR DI MUKAH** | |
| | https://selangorkini.my/2023/06/wanita-warga-emas-ditemui-rentung-rumah-terbakar-di-mukah/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/06/06/wanita-warga-emas-ditemukan-rentung-dalam-kebakaran-di-mukah | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2195341 | BERNAMA.COM |
| | https://www.getaran.my/artikel/semasa/48256/wanita-warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-di-mukah | GETARAN.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **WANITA MAUT KERETA TERBABIT KEMALANGAN DENGAN LORI TANGKI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/06/wanita-maut-kereta-terbabit-kemalangan-dengan-lori-tangki/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=o16IfucVies&ab_channel=BuletinTV3 | YOUTUBE |
| | https://suarasarawak.my/dua-wanita-maut-belakang-kereta-dirempuh-lori/ | SUARASARAWAK.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/974600/wanita-maut-selepas-kereta-dirempuh-lori | hHMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **GADIS MALAYSIA HILANG DI CHIANG MAI SEJAK MINGGU LEPAS** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/06/gadis-malaysia-hilang-di-chiang-mai-sejak-minggu-lepas/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/262027/berita/semasa/gadis-warga-malaysia-dilapor-hilang-di-thailand | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gadis-warga-malaysia-dilapor-hilang-di-thailand-422694 | ASTROAWANI.COM |

7/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **TEMPAT BUANG SAMPAH DIJANGKA HABIS MENJELANG 2050** | |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/06/tempat-buang-sampah-dijangka-habis-menjelang-2050/ | HARAKAHDAILY.NET |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **HAPUS STIGMA HAID DI SEKOLAH** | |
| | https://www.utusan.com.my/gaya/2023/06/hapus-stigma-haid-di-sekolah/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **PENGGANGGUR DIDAKWA AMANG SEKSUAL ANAK TIRI, CEDERAKAN ISTERI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/06/penganggur-didakwa-amang-seksual-anak-tiri-cederakan-isteri/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **PLAZA SHAH ALAM ANJUR PROGRAM KHAS SEMPENA HARI IBU** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/06/tanpa-ibu-siapalah-kita/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **360,000 PENGUNJUNG MERIAHKAN ULANG TAHUN TV3 KE-39 DI KJH** | |
| | https://www.hmetro.com.my/rap/2023/06/974758/360000-pengunjung-meriahkan-ulang-tahun-tv3-ke-39-di-kjh | HMETRO.COM.MY |

7/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | SENIOR CITIZENS BILL EXPECTED TO BE TABLED IN PARLIAMENT NEXT YEAR, SAYS DEPUTY MINISTER | |
| | https://www.thestar.com.my/news/2023/06/06/senior-citizens-bill-expected-to-be-tabled-in-parliament-next-year-says-deputy-minister | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | OPERASI BERSEPADU MENANGANI PENGEMIS DAN ORANG PAPA DI SEKITAR SHAH ALAM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=HCr0ferjn2o&ab_channel=JabatanKebajikanMasyarakatHQ | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | REMAN SUSPEK CURI RANTAI LEHER KANAK-KANAK DISAMBUNG 2 HARI | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/261990/berita/semasa/reman-suspek-curi-rantai-leher-kanak-kanak-disambung-2-hari | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | HIKMAH MASUK PENJARA, GADIS KHATAM AL-QURAN LEBIH 10 KALI | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/262056/edisi/sabah-sarawak/hikmah-masuk-penjara-gadis-khatam-al-quran-lebih-10-kali | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | HADIR SAMA TADI ADALAH YB DATO' SRI HJH NANCY SHUKRI,MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,KELUARGA & MASYARAKAT; YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI, MENTERI DI JPM (HAL EHWAL SABAH,SARAWAK & TUGAS-TUGAS KHAS); & YB RAMKARPAL SINGH, TIMBALAN MENTERI DI JPM (UNDANG-UNDANG & REFORMASI INSTITUSI). | |
| | https://twitter.com/saifnasution/status/1666058879082590209 | TWITTER |

7/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **SOROTAN VIDEO PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT YB HAJAH AIMAN ATHIRAH SABU, TIMBALAN MENTERI KPWKM BAGI MENJAWAB PERTANYAAN YB DR. ABD GHANI BIN AHMAD (JERLUN) BERKENAAN PELBAGAI INISIATIF MEMPERKASA DAN MENSEJAHTERAKAN WARGA EMAS.** | |
| | https://twitter.com/KPWKM/status/1666001983197822976 | TWITTER |
| | https://twitter.com/KPWKM/status/1666059953688420352 | TWITTER |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **PSIKOLOGI JEMAAH HAJI SENTIASA JADI KEUTAMAAN PETUGAS** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/64869-psikologi-jemaah-haji-sentiasa-jadi-keutamaan-petugas | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **ATLET PARA SARAWAK KOMITED SUMBANG PENCAPAIAN CEMERLANG** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/06/06/atlet-para-sarawak-komited-sumbang-pencapaian-cemerlang | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ANAK MUDA PERLU DIDORONG LANJUT PENGAJIAN DEMI MASA DEPAN | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 07 JUN 2023 | M/SURAT : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Anak muda perlu didorong lanjut pengajian demi masa depan



Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum Dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my

**Tatkala** Keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022 bakal diumumkan esok, negara dikejutkan dengan laporan sekitar 40 peratus daripada purata 500,000 lepasan SPM direkod melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi atau menyertai Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) setiap tahun.

Ini bermakna sekitar 300,000 daripada jumlah itu tidak melanjutkan pelajaran dan kemungkinan besar bekerja dalam sektor kilang atau e-hailing.

Ironinya tidak salah lepasan SPM menceburi bidang ekonomi gig yang dilihat menjanjikan pendapatan lumayan dalam jangka masa pendek berbanding makan gaji, senario ini perlu dilihat dalam spektrum lebih besar dan jangka masa panjang.

Barangkali, ramai kalangan belia ini berbakat besar dan berpotensi menjadi tenaga mahir atau golongan profesional jika menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Anak muda ini tidak boleh dibiarkan terpesona dan terpengaruh dengan kadar pendapatan kasar tinggi diperoleh dalam ekonomi gig walaupun bersifat sementara, sebaliknya mereka perlu disedarkan kepentingan menyambung pengajian untuk meningkatkan kualiti dan taraf hidup diri serta keluarga bagi jangka masa panjang.

Pembelajaran sepanjang hayat ialah konsep pendidikan amat penting dalam proses pembangunan manusia khususnya potensi belia bagi merintis jalan ke arah membina masyarakat dan negara bertamadun tinggi serta maju. Justeru, anak muda perlu diterapkan kepentingan ilmu dan budaya pembelajaran berterusan supaya tidak cepat mengalah dan putus asa.

Dalam konteks ini kerajaan wajar melaksanakan kajian menyeluruh untuk mengenal pasti punca sebenar mengapa lepasan SPM yang layak, enggan menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Adakah ia berpunca daripada desakan hidup keluarga sehingga mereka terpaksa bekerja mencari duit untuk menampung keluarga atau faktor lain seperti kurang motivasi untuk terus belajar atau terpengaruh rakan sebaya.

## Bantu, bimbing anak buat keputusan

Pada masa sama, ibu bapa perlu memainkan peranan besar mencetuskan kesedaran anak masing-masing dengan memujuk, mendorong dan menggalakkan mereka menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi jika terbukti berkelayakan serta mampu.

Ibu bapa perlu membantu dan membimbing anak membuat keputusan betul serta tepat dengan mengambil kira keputusan peperiksaan, peluang yang ada serta minat mereka. Mereka perlu disedarkan perjalanan hidup dan masa depan kerjaya mereka masih panjang, tidak perlu tergesa-gesa masuk ke alam pekerjaan sejurus selepas tamat SPM.

Lepasan SPM perlu diyakinkan supaya tidak menjadikan kerjaya dalam ekonomi gig sebagai pekerjaan separuh masa sebaliknya, sementara penunggu keputusan peperiksaan dan menumpukan perhatian melanjutkan pengajian sejurus keputusan diumumkan.

Hakikatnya peluang untuk menyambung pengajian cukup terbuka luas di negara ini. Bagi yang mencatatkan keputusan cemerlang, boleh peluang terbuka luas untuk belajar di institusi pengajian tinggi (IPT) menawarkan pelbagai program pengajian bermula daripada peringkat matrikulasi, asasi, diploma dan ijazah.

Bagi yang berminat dalam bidang teknikal dan kemahiran, mereka boleh memohon mengikuti kursus diminati dengan menyertai Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) serta berusaha mengembangkan kerjaya masing-masing selepas itu sebagai pakar bidang.

Selain itu, orang muda juga perlu merebut beberapa inisiatif baharu bakal diperkenalkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) seperti melaksanakan sistem pendidikan secara anjal, melakukan sesi pembelajaran secara fizikal selama beberapa tahun di universiti dan rumah, serta beberapa kursus dipendekkan dari empat tahun ke tiga tahun.

Justeru, tiada alasan bagi golongan muda untuk belajar setakat SPM atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) sebaliknya boleh meneruskan pengajian ke tahap lebih tinggi mengikut minat masing-masing.

Dalam hal ini, dorongan dan paksaan daripada ibu bapa amat perlu walaupun berhadapan dengan pelbagai masalah ekonomi serta peningkatan kos sara hidup. Apa yang penting usah jadikan kekangan ekonomi sebagai alasan untuk berkompromi soal pendidikan dan masa depan anak-anak.

Mereka perlu sentiasa disedarkan mengenai kepentingan ilmu dan budaya pembelajaran sepanjang hayat dalam mengharungi cabaran mendatang.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MASYARAKAT PRIHATIN BENDUNG KES DERA KANAK-KANAK | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 07 JUN 2023 | M/SURAT : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Masyarakat prihatin bendung kes dera kanak-kanak

**Muhammad Amirul Anuar Jamaluddin,**
Ipoh, Perak

**Kes** penderaan kanak-kanak tidak sepatutnya berlaku. Justeru, setiap kali berita begini dilaporkan, ia melahirkan kebimbangan semua pihak. Apatah lagi jika ia membabitkan ibu bapa atau penjaga mereka.

Umum mengetahui bahawa kanak-kanak diiktiraf sebagai kunci kehidupan, pembangunan dan kemakmuran negara. Akta kanak-kanak menyatakan bahawa kelompok ini berhak mendapat perlindungan dan bantuan dalam segala hal.

Bagaimanapun masih terdapat sebahagian daripada kita tidak menyedari hakikat bahawa kanak-kanak juga mempunyai hak. Justeru, kita masih mendengar mengenai kes penderaan saban waktu.

Berdasarkan data semasa, terdapat 1,301 kes penderaan kanak-kanak secara fizikal dilaporkan di Malaysia tahun lalu. Daripada jumlah itu sebanyak 679 kes membabitkan lelaki dan selebihnya kanak-kanak perempuan. Laporan sama menyebut sejak dua tahun lalu, lebih 300 kes penderaan kanak-kanak berlaku di pusat asuhan selain di tadika.

Fakta ini amat merisaukan, terutama bagi pasangan yang bekerja dan perlu meletakkan anak di pusat asuhan. Apatah lagi kategori pusat asuhan itu turut merangkumi taska berdaftar, tidak berdaftar dan rumah pengasuh.

Kita maklum, bagi kes yang berlaku di rumah sendiri, berdasarkan laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), punca utama adalah disebabkan oleh masalah ekonomi yang dihadapi ibu bapa.

## Anak jadi mangsa luah kemarahan

Sememangnya masalah kewangan akan memberi kesan kepada pasangan berkahwin apatah lagi jika mereka sudah mempunyai anak. Masalah itu bukan hanya akan membebankan mereka, tetapi turut menjejaskan si anak apabila menjadi tempat ibu bapa melepaskan rasa marah.

Namun, apabila ia turut berlaku di pusat asuhan, tentu sahaja ia lebih membimbangkan.

Mungkin satu daripada puncanya adalah masalah yang dihadapi oleh penjaga. Seperti ibu bapa yang melepaskan kemarahan kepada si anak, penjaga di pusat asuhan juga mampu bertindak sedemikian.

Apatah lagi jika dihimpit masalah sekitar pekerjaan atau tidak berminat untuk menjaga kanak-kanak. Hal ini lebih membimbangkan jika ia berlaku di pusat asuhan itu tidak berdaftar.



Jadi, apakah kaedah terbaik bagi menangani masalah ini? Antara langkah yang boleh diambil adalah mewujudkan program yang komprehensif bersasarkan kepada komuniti setempat mengenai pembangunan kesihatan mental.

Ia perlu juga disertai dengan program khas misalnya kursus kepada mereka yang ingin menjadi pengasuh dengan pendedahan kepada kaedah pengendalian kanak-kanak. Kursus ini mestilah diwajibkan kepada sesiapa sahaja yang ingin mengendalikan atau bekerja di pusat asuhan kanak-kanak.

Kementerian berkaitan juga perlu mengetatkan syarat penubuhan rumah asuhan selain setiap pengasuh mestilah mendapat pendidikan akademik dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Pada masa sama, kerajaan juga perlu lebih tegas dalam tindakan bagi memastikan setiap rumah asuhan ini berdaftar tidak mengira mereka melakukannya secara sepenuh masa atau separuh masa.

Hal ini mungkin remeh dan menyusahkan, tetapi kita perlu mengutamakan hak kanak-kanak yang bakal ditempatkan di situ.

Selain itu, kerajaan perlu mengenakan denda dan hukuman yang lebih berat jika si pelaku didapati bersalah.

Namun, atas semua langkah itu, perkara yang tidak kurang pentingnya adalah kita sebagai ahli masyarakat juga perlu lebih berperanan. Bukan hendak menjaga tepi kain orang, tetapi kita perlu lebih peka dengan hal yang berlaku di persekitaran kita.

Banyak kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan adalah disebabkan keprihatinan jiran. Justeru, bertindak cepat sebelum terlambat jika mengesan hal yang mencurigakan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENOREH TAK MENGAKU SALAH | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 07 JUN 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




*Mohamad Firdaus didakwa di Mahkamah Sesyen Taiping, semalam.* (Foto Muhammad Zulsyamini Sufian Suri/BH)

### Kes anak makan biskut campur ganja

# Penoreh tak mengaku salah

**Taiping:** Penoreh getah didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, kerana cuai hingga hingga menyebabkan anak perempuannya termakan biskut dicampur ganja, minggu lalu.

Tertuduh, Mohamad Firdaus Hassim, 39, bagaimanapun mengaku tidak bersalah ketika dihadapkan di hadapan Hakim, Nabisha Ibrahim.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu sebagai ayah kepada kanak-kanak perempuan berumur 10 tahun 7 bulan didapati cuai dengan membiarkan kanak-kanak itu memakan biskut buatan tertuduh yang mengandungi kanabis (ganja) dan mungkin menyebabkan mangsa mengalami kecederaan fizikal dan kesihatan.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh di sebuah rumah di Kampung Bagan Lawin, di Gerik, daerah Hulu Perak kira-kira jam 7.30 malam 29 Mei lalu.

Kesalahan itu dibaca mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun atau denda maksimum RM50,000 atau kedua-duanya sekali.

Pertuduhan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Waffy Ismail manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mohd Waffy tidak menawarkan jaminan memandangkan mangsa yang kini berada di bawah jagaan ibunya dan sudah keluar daripada hospital selepas dirawat, adalah anak tertuduh dan mereka tinggal serumah.

Hakim kemudian menetapkan tarikh 6 Julai untuk sebutan semula kes di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar sementara menunggu lantikan peguam tertuduh dan laporan perubatan kanak-kanak itu.

Terdahulu, media melaporkan seorang kanak-kanak perempuan dikejarkan ke hospital untuk dirawat selepas mengalami simptom sesak nafas akibat termakan biskut yang dibuat oleh bapanya yang disyaki dicampur dengan ganja.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BUDAK 2 TAHUN KERACUNAN NIKOTIN: KKM | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


TERTELAN CECAIR VAPE

# Budak 2 tahun keracunan nikotin: KKM

**Kuala Lumpur**

Seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun mungkin mengalami keracunan nikotin akut selepas dipercayai tertelan cecair daripada peranti rokok elektronik (vape) jenis pakai buang dalam insiden di Bera, Pahang pada 30 Mei lalu.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam satu kenyataan malam kelmarin memaklumkan mangsa dirujuk ke Hospital Sultan Ahmad Shah di Temerloh kerana memerlukan bantuan pernafasan di Unit Rawatan Rapi Kanak-Kanak.

"Kanak-kanak ini dilaporkan mengalami sawan sebanyak dua kali ketika dalam rawatan. Terkini, keadaan pesakit adalah stabil dan bernafas tanpa bantuan alat pernafasan dan dipantau oleh pihak hospital," menurut kenyataan itu.

Menurut KKM, pada hari kejadian, mangsa yang tidak mempunyai sejarah penyakit kronik ditemui datuknya dalam keadaan batuk, muntah serta sesak nafas dan terdapat peranti rokok elektronik jenis pakai buang berhampiran mangsa.

> *Kanak-kanak ini dilaporkan mengalami sawan sebanyak dua kali ketika dalam rawatan. Terkini, keadaan pesakit adalah stabil dan bernafas tanpa bantuan alat pernafasan dan dipantau oleh pihak hospital"*
>
> **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**

"Kanak-kanak ini dipercayai tersedut atau tertelan cecair daripada peranti rokok elektronik jenis pakai buang," katanya.

Kenyataan itu menyebut pada mulanya kejadian berkenaan dilaporkan sebagai kemungkinan kes kecederaan paru-paru yang dikaitkan dengan rokok elektronik (Evali) namun hasil penemuan klinikal mendapati ia tidak memenuhi kriteria Evali.

"Keputusan ujian air kencing menunjukkan kehadiran nikotin pada paras yang tinggi. Peranti rokok elektronik yang ditemui telah dihantar ke makmal untuk ujian lanjut," katanya.

Menurut kenyataan itu, kanak-kanak terbabit disahkan menghidapi *Acute Life Threatening Event Secondary To Possible Alleged Nicotine Ingestion Complicated With Seizure*.

Justeru, KKM menasihati orang ramai bahawa sebarang penggunaan produk merokok termasuk rokok elektronik adalah berbahaya kepada kesihatan.

"Keracunan nikotin akibat penggunaan tembakau atau cecair rokok elektronik boleh menyebabkan kesan akut seperti debaran jantung atau *palpitation*, muntah dan sawan.

"Ia boleh terjadi kepada semua pengguna termasuk kanak-kanak. Kesan nikotin yang tinggi dan pendedahan nikotin untuk jangka masa panjang terutama kepada kanak-kanak akan menyebabkan pertumbuhan otak terjejas," katanya.



KESAN nikotin yang tinggi dan pendedahan nikotin untuk jangka masa panjang terutama kepada kanak-kanak akan menyebabkan pertumbuhan otak terjejas.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BUDAK TETUSUK BESI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 JUN 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




MANGSA dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ) Sabak Bernam untuk rawatan lanjut.

# Budak tertusuk besi

## *Penduduk dakwa sering lihat mangsa panjat pagar kediaman*

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

**Sungai Besar**

Kerap bermain dan memanjat pagar akhirnya membawa padah apabila punggung seorang kanak-kanak lelaki tertusuk besi pagar berkenaan.

Dalam kejadian pada jam 6.10 petang kelmarin, mangsa berusia 12 tahun dipercayai tergelincir ketika memanjat besi pagar di kediamannya di Taman Seri di sini.

Akibatnya besi tajam pagar berkenaan tertusuk sedalam kira-kira 15 sentimeter dan gagal dicabut.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Wan Md Razali Wan Ismail berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan terbabit pada jam 6.25 petang.

Menurutnya, sepasukan 10 anggota bersama jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sungai Besar kemudian bergegas ke lokasi kejadian.

"Berdasarkan laporan awal, kanak-kanak lelaki itu dipercayai tercucuk besi pagar. Kejadian berkenaan disedari jiran berhampiran berikutan ibu mangsa tiada di rumah.

"Anggota bomba mengambil masa kira-kira 20 minit untuk menyelamatkan mangsa. Mangsa berjaya diangkat dan besi itu ditanggalkan dari punggungnya," katanya.

Beliau berkata, kanak-kanak malang itu kemudian dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ) Sabak Bernam untuk rawatan lanjut.

Selain itu, menurut Wan Md Razali, penduduk berhampiran mendakwa sering melihat mangsa bermain di atas pagar besi itu sebelum ini.

**Besi tajam pagar berkenaan tertusuk sedalam kira-kira 15 sentimeter**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JASAD BUDAK LEMAS DITEMUI | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 JUN 2023 | M/SURAT : | 23 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Jasad budak lemas ditemui

**Tanjung Malim:** Seorang kanak-kanak lelaki yang hilang ketika mandi di Sungai Bernam berdekatan Teratak River View Lubuk Gelap, Simpang Empat di sini, Sabtu lalu ditemukan mati lemas semalam.

Mayat Edward Grang Jenggut, 8, ditemukan pasukan mencari dan menyelamat (SAR) pada jam 12.35 tengah hari kira-kira lapan kilometer dari lokasi mangsa dilaporkan hilang.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak, Sabarodzi Nor Ahmad berkata, mangsa ditemukan anggota SAR dari Unit Anjing Pengesan (K9) JBPM tersangkut pada pokok kayu di tebing sungai.

Katanya, mangsa kemudian diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya.

"Operasi SAR membabitkan 49 anggota JBPM dan lain-lain agensi membabitkan jarak pengoperasian hingga sembilan kilometer," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sabtu lalu mangsa yang berasal dari Sarawak ke lokasi itu untuk berkhemah bersama keluarganya sempena cuti sekolah dan sepatutnya pulang pada petang hari kejadian.

Bomba menerima maklumat mangsa dikhuatiri lemas ketika mandi di sungai berkenaan dengan berpakaian baju renang berwarna hitam bertompok hijau, selepas kanak-kanak itu hilang pada jam 5.06 petang.

**Mangsa yang berasal dari Sarawak ke lokasi itu untuk berkhemah bersama keluarga**



ANGGOTA penyelamat menemui jasad kanak-kanak yang hilang dikhuatiri lemas ketika mandi di Sungai Bernam berdekatan Teratak River View Lubuk Gelap, Simpang Empat, Tanjung Malim.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NAFI PERLAKUAN JAHAR PADA ISTERI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 JUN 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Nafi perlakuan jahat pada isteri

***Mekanik mengaku tidak bersalah ugut bunuh, cederakan pasangan tolak ajakan hubungan intim***

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

**Melaka**

Seorang mekanik tidak mengaku salah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam atas pertuduhan mengugut bunuh dan mencederakan isterinya dengan menghantuk kepalanya ke hidung mangsa kerana menolak untuk melakukan hubungan seks.

Syed Fakrulrazi Syed Abdul Rahman, 41, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Darmafikri Abu Adam.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa dengan sengaja menyebabkan cedera parah terhadap isterinya, Rabiatul Adawiyah Abu Hassan, 33, dengan cara menghantukkan kepalanya ke hidung mangsa.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah di Taman Tanjung Minyak Perdana di sini, pada 12 Februari lalu, kira-kira jam 10 pagi.

Dia didakwa mengikut Seksyen 325 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 326A akta sama, sabit kesalahan membawa hukuman penjara sehingga 14 tahun atau denda.

Pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menakutkan isterinya secara jenayah dengan kata-kata ugutan akan membunuhnya di tempat, tarikh dan masa sama.

Dia didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan, memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan.

Timbalan Pendakwa Raya, Aliff Asraf Anuar Sharuddin membantah jaminan bagi tuduhan pertama, namun mencadangkan ikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan tidak mengganggu mangsa dan melaporkan diri balai polis berhampiran.

Peguam Ishak Mohd Kari memohon jaminan rendah dengan alasan anak guamnya sebelum ini bekerja di kedai perabot dan mendapat pekerjaan baharu sebagai mekanik pada 1 Jun lalu dengan gaji RM2,000 sebulan serta perlu menyara empat anak berusia dua hingga 10 tahun.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan seperti dipohon pendakwaan.

***Tarikh 10 Julai depan ditetapkan untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen.***




SYED Fakrulrazi mengaku tidak bersalah atas pertuduhan di Makhamah Sesyen Ayer Keroh.

**RM10k**

Jumlah jaminan ditetapkan mahkamah untuk tertuduh

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENGANGGUR DITUDH CEDERAKAN ISTERI, AMANG SEKSUAL ANAK TIRI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 JUN 2023 | M/SURAT | : | 21 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Penganggur dituduh cederakan isteri, amang seksual anak tiri

**Taiping:** Seorang penganggur dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan mendatangkan kecederaan fizikal terhadap isterinya dan dua tuduhan melakukan amang seksual ke atas anak perempuan tirinya, bulan lalu.

Tertuduh berusia 24 tahun itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Nabisha Ibrahim atas dakwaan mencederakan isterinya yang berusia 36 tahun menggunakan sebilah pisau.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah rumah di taman perumahan di Kamunting kira-kira jam 9.30 malam 23 Mei lalu.

Sehubungan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan (KK) yang dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama.

Pertuduhan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Waffy Ismail manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin selain syarat tambahan tidak boleh mengganggu mangsa dan melapor diri di balai polis sebulan sekali sehingga kes selesai.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 8 Ogos depan.

Sementara itu dalam prosiding di Mahkamah Sesyen berasingan tertuduh turut tidak mengaku salah di hadapan Hakim Sharifah Norazlita Syed Salim Idid terhadap dua pertuduhan amang seksual fizikal ke atas anak tirinya yang berusia 12 tahun bulan lalu.

Berdasarkan kertas pertuduhan pertama, tertuduh didapati melakukan amang seksual fizikal ke atas mangsa di alamat rumah yang sama kira-kira jam 1.30 pagi 24 Mei lalu.

Manakala pertuduhan kedua, tertuduh didakwa melakukan perbuatan serupa di hadapan sebuah pasar raya di sini, kira-kira jam 9 malam 27 Mei lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 Akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Faakihin Ahmad Pauzi.

Mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan tarikh 4 Julai depan untuk sebutan semula kes.




